



UNDANG² MALAYSIA

Akta 47

AKTA LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA, 1971

Tarikh Persetujuan di-Raja ... 30hb Ogos, 1971

Tarikh di-terbitkan dalam *Warta* ... 2hb September, 1971

UNDANG² MALAYSIA**Akta 47****AKTA LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA, 1971**

SUSUNAN SEKSHEN²

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Sekshen

1. Tajok ringkas, had, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II
LEMBAGA**

3. Lembaga.
4. Tugas² Lembaga.
5. Keanggotaan.
6. Arahan oleh Menteri.
7. Meteri Lembaga.
8. Perwakilan oleh Lembaga.

**BAHAGIAN III
PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**

9. Timbalan Pengerusi menjadi Ketua Pengarah.
10. Perlantikan pegawai² dan penjawat² Lembaga.
11. Tidak layak di-ambil bekerja sa-bagai pegawai Majlis.
12. Kumpulanwang Lembaga.
13. Kuasa meminjam.
14. Pelaboran.
15. Kewangan.
16. Akaun dan odit.
17. Laporan Tahunan.

[Susunan Sekshen²]

4

AKTA 47

BAHAGIAN IV

KUASA² BERHUBONG DENGAN PENGUATKUASAAN

Sekshen

18. Memberi kuasa kepada pegawai untuk menjalankan kuasa² di-bawah Bahagian ini.
19. Kuasa memasoki premis.
20. Kuasa menangkap, merampas, menyiasat dan mendakwa.
21. Kuasa untuk menahan dan memeriksa.
22. Kuasa mengambil milek.

BAHAGIAN V

KESALAHAN, PENALTI DAN PEMBICHARAAN

23. Di-larang menyembunyi atau memusnahkan padi atau beras.
24. Syarat yang menyalahi undang².
25. Memileki padi atau beras dengan menyalahi undang².
26. Kesalahan menghalang.
27. Penalti am.
28. Beban membuktikan.
29. Kuasa Mahkamah untuk merampas.
30. Bidangkuasa.
31. Perkechualian.

BAHAGIAN VI

AM

32. Peratoran².
33. Rahsia dan penalti.
34. Kanun Keseksaan.
35. Perlindungan daripada pembicharaan undang².
36. Sa-tengah² undang² tidak boleh di-pakai bagi padi dan beras.
37. Pindaan bagi *Akta 49/65* dan peruntukan² peralehan.
38. Perkara² yang di-lakukan dengan menjangka Akta ini akan di-ishtiharkan.

JADUAL

UNDANG² MALAYSIA

Akta 47

AKTA LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA, 1971

Suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Padi dan Beras Negara dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkara² yang berkaitan dengan-nya.

Sub by Act A221.

* [20-9-71 - Except in Sabah]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. (1) Akta ini boleh-lah di-nama Akta Lembaga Padi dan Beras Negara, 1971.

(2) Akta ini hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia.

(3) Akta ini hendak-lah mula berkuatkuasa pada tarikh yang di-tetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam **Warta* dan tarikh² yang berlainan boleh di-tetapkan bagi berlain-lain Negeri atau bahagian dalam Malaysia.

(4) Yang di-Pertuan Agong boleh dengan perintah menggantung kuatkuasa mana² peruntukan Akta ini.

Tajok ringkas, had, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

PUCB) 314/71

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain—

“Ketua-Pengarah” erti-nya Ketua-Pengarah-Lembaga; Sub. AAGHT

“Kumpulanwang” erti-nya kumpulanwang yang ditubuhkan di-bawah seksyen 12;

“Lembaga” erti-nya Lembaga Padi dan Beras Negara yang di-tubuhkan di-bawah seksyen 3;

“Menteri” erti-nya Menteri yang bertanggungjawab atas Lembaga Padi dan Beras Negara;

"padi" atau "beras" termasuklah hasil sampingan-nya;
"pegawai berkuasa" erti-nya sa-saorang pegawai yang di-berikuasa di-bawah sekshen 18;

"pemasaran" erti-nya menjual, membeli, menyimpan, mengangkut, memproses, mengilang, membersehhkan, memperingkat, membungkus, mengiklan dan memajukan;

"Pengerusi" erti-nya Pengerusi Lembaga;

"Timbalan Pengerusi" erti-nya Timbalan Pengerusi Lembaga.

BAHAGIAN II

LEMBAGA

Lembaga.

3. Maka ada-lah dengan ini di-tubuhkan suatu pertubohan perbadanan bernama "Lembaga Padi dan Beras Negara" (kemudian daripada ini di-sebut "Lembaga") yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan kuasa bagi memperolehi dan memegang harta aleh atau harta takaleh dan bagi melepaskan-nya atau dengan sa-chara lain membuat apa² urusan mengenai-nya.

Tugas²
Lembaga.

4. (1) Tugas² Lembaga ia-lah untuk—

Sub-by Act A.221.

(a) ^{(a) --- Act A.221} memastikan harga padi yang berpatutan dan stabil bagi petani²;

(b) memastikan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna²;

(c) ^{(ba) --- Act A.221} memastikan bekalan beras yang cukup bagi mengatasi segala kechemasan; dan

(d) membuat shor² kepada Kerajaan mengenai polisi bermaksud untuk menggalakkan kemajuan per-usahaan padi dan beras, dan jika di-luluskan oleh Kerajaan untuk menyelaraskan dan membantu pada melaksanakan-nya.

Tertakluk kepada kelulusan Menteri terlebih dahulu, Lembaga
(2) Lembaga ada-lah berkuasa melakukan segala perkara yang mustahak atau menasabah perlu atau yang bersampingan dengan menjalankan tugas²-nya, dan khususnya, tetapi dengan tidak menyentoh keluasan peruntokan yang tersebut di-atas—

(a) melaksanakan harga minima yang terjamin bagi padi;

(b) menguatkuasakan pengekalannya harga beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna²;

Act A348

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA

7

- (c) menyenggara atau menghendaki mana² orang menyenggara simpanan-chadang padi atau beras bagi maksud stratejis dan menstabilkan harga;
- (d) mengator pemasaran padi dan beras khusus-nya dengan jalan melesen penjual-borong, penjual-runchit, pengilang beras, pengimpot dan peng-eksport;
(da) (db) (dc) dan (dd) --- Act A.221.
- (e) menjalankan tinjauan dan penyiasatan berkenaan dengan perusahaan padi dan beras;
- (f) menghendaki orang² yang mengambil bahagian dalam penghasilan atau pemasaran padi dan beras supaya mendaftar dan memberi apa² maklumat yang di-fikirkan perlu oleh Lembaga mengikut apa² chara yang di-tentukan oleh-nya;
- (g) mengator penghasilan padi;
- (h) melarang, mengator atau mengawal pemindahan padi atau beras;
- (i) menghendaki jabatan², ejensi² kerajaan dan ejensi² bukan kerajaan yang menguruskan perusahaan padi dan beras supaya menghantar laporan² berhubong dengan kegiatan² mereka;
- (j) dengan kelulusan Menteri, mengikat penyertaan ekuiti dalam mana² perusahaan padi dan beras;
- (k) memperolehi, membeli, memajak, menyewa, memegang dan menikmati apa² jenis harta aleh dan harta takaleh dan memindahak, menyerahak, menyerahbalek dan memulang, menggadaikan, menggadaianji, mendemais, menyerahak sa-mula, memindah-milek atau, sa-chara lain, melepaskan atau membuat apa² urusan atau memajukan apa² harta aleh atau harta takaleh yang di-punyaï oleh Lembaga;
- (l) membuat sa-suatu kontrek;
- (m) melantek ejen² atau menubohkan apa² badan lain sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut bagi melantek menyalakan tugas-nya;
- “(mm) melupuskan aset-aset modal dan menggunakan hasil dari pelupusan itu;”;
Act A.248
Act A.318
di-fikirkan-nya patut untok melaksanakan mana- daripada kuasa atau tugas-nya;
- (o) menerima apa² kamsen atau bayaran sa-bagaimana yang di-persetujui sa-bagai balasan bagi perkhidmatan² yang di-beri oleh-nya; dan

(p) menjalankan segala tugas dan kuasa dan melaksanakan segala kewajipan yang di-beri atau di-wakikan kapada-nya di-bawah atau menurut mana² undang² bertulis lain.

Kcang-
gotaan.

Sub. by
Act A348

5. (1) Lembaga hendak-lah terdiri daripada sa-orang Pengerusi dan sa-orang Timbalan Pengerusi yang di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong dan ahli² yang berikut yang di-lantek oleh Menteri—

- (a) sa-orang wakil Jabatan Perdana Menteri;
- (b) sa-orang wakil Perbendaharaan;
- (c) sa-orang wakil Kementerian Perdagangan dan Perusahaan;
- (d) sa-orang Wakil Kementerian Pertanian dan Tanah;
- (e) sa-orang wakil Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan; dan
- (f) tidak kurang daripada dua tetapi tidak lebeh daripada empat orang lain yang berpengalaman dan telah menunjukkan kebolehan dalam perkara² berhubung dengan penghasilan atau pemasaran padi dan beras.

Sub. by Act
A 348

AA647 →

(2) Apabila melantek orang² yang tersebut dalam perenggan (f) sekshen-kechil (1), Menteri hendak-lah memberi pertimbangan yang sa-patut-nya tentang perlunya berbagai sektek perusahaan padi dan beras di-wakili.

(3) Peruntokan² Jadual kapada Akta ini hendak-lah di-pakai bagi Lembaga.

Arahan oleh
Menteri.
Act A 348

6. (1) Menteri boleh memberi kapada Lembaga apa² arahan sa-~~chara~~am yang tidak berlawanan dengan peruntokan Akta ini mengikut sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut tentang penjalanan dan pelaksanaan kuasa², kewajipan² dan tugas² oleh Lembaga di-bawah Akta ini dan Lembaga hendak-lah melaksanakan semua arahan itu.

(2) Lembaga hendak-lah memberi apa² maklumat kapada Menteri sa-bagaimana yang di-kehendaki-nya dari sa-masa ka-samasa berkenaan dengan harta dan kegiatan-nya.

Meteri
Lembaga.

7. (1) Lembaga hendak-lah mempunyai suatu meteri dan meteri itu boleh dari sa-masa ka-samasa di-pechahkan, di-tukar, di-ubah atau di-buat baharu mengikut sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut:

Per
tuga
dan
kuas
Lem

Dengan syarat bahawa sa-hingga suatu meteri di-adakan di-bawah sekshen ini, suatu chap yang mengandongi perkataan "Lembaga Padi dan Beras Negara" boleh-lah di-gunakan sa-bagai meteri.

~~(2) Segala suratikatan, suratan dan suratchara lain yang memerlukan meteri Lembaga hendaklah di-meterikan dengan sa-wajar-nya di-hadapan dua orang ahli Lembaga yang akan menandatangani tiap² suratikatan, suratan atau suratchara yang telah di-chap dengan meteri itu; dan tandatangan itu tanpa apa² penyaksian sa-lanjut-nya adalah menjadi keterangan yang chukop bahawa meteri itu telah di-chap dengan sempurna dan sa-patut-nya dan bahawa meteri itu ada-lah meteri yang sah bagi Lembaga.~~

Sub. AAC47

(3) ---

8. Lembaga boleh, dengan suratchara bertulis yang di-chap dengan meteri Lembaga, mewakilkan kepada mana² orang atau badan mana² daripada kewajipan-nya yang perlu untok di-laksanakan:

← AAC47
Perwakilan
oleh
Lembaga.

Sub. AAC47

Dengan syarat bahawa mana² orang atau badan itu tidak mempunyai apa² kuasa mengawal Kumpulanwang dan hendaklah bertindak dari segala segi mengikut arahan Lembaga.

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

~~9. (1) Timbalan Pengerusi Lembaga hendaklah menjadi Ketua Pengarah yang akan bertanggungjawab atas pentadbiran dan pengurusan hari ka-sahari hal ehwal Lembaga dan akan menjalankan apa² kewajipan dan kuasa sa-bagaimana yang di-amanah atau di-wakilkan oleh Lembaga atau Pengerusi Lembaga apabila bertindak bagi pihak Lembaga.~~

Ketua Pengarah yang akan ditantik oleh Menteri hendaklah Sub. AAC47

Timbalan Pengerusi menjadi Ketua Pengarah

Act A3H8

Act A3H8

hendaklah

(2) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai segala kuasa sa-saorang pegawai berkuasa di-bawah Akta ini.

10. (1) Lembaga boleh melantek pegawai² dan penjawat² sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya perlu bagi menjalankan hal ehwal Lembaga dengan chekap.

Perlantekan pegawai² dan penjawat² Lembaga.

(2) Pegawai dan penjawat Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah.

(3) Pegawai² dan penjawat² Lembaga hendaklah memegang jawatan sa-lama satu atau beberapa tempoh, menerima gaji dan elaun dan juga hendaklah tertaklok

kapada apa² syarat perkhidmatan mengikut sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

Tidak layak di-ambil bekerja sa-bagai pegawai Lembaga.

11. (1) Tiada sa-siapa yang ada mempunyai sa-chara langsung atau sa-chara tidak langsung, dengan sendiri-nya atau melaluï kongsi-nya, sa-suatu sher atau kepentingan dalam sa-suatu kontrek dengan, untok atau bagi pehak Lembaga layak di-ambil bekerja sa-bagai pegawai atau penjawat Lembaga.

(2) Sa-saorang pegawai atau penjawat yang di-lantek oleh Lembaga dan yang ada mempunyai atau memperolehi sa-suatu sher atau kepentingan tersebut boleh, menurut budi-bichara Lembaga, di-buang kerja terus tanpa notis.

Kumpulan-wang Lembaga.

12. Bagi maksud Akta ini, maka ada-lah dengan ini di-tubuhkan suatu kumpulanwang (kemudian daripada ini di-sebut "Kumpulanwang") yang akan di-tadbir dan di-kawal oleh Lembaga—

(a) yang ka-dalam-nya akan di-masokkan—

- (i) wang yang di-peruntokkan dari sa-masa ka-samasa oleh Parlimen;
- (ii) wang yang di-pinjam dari sa-masa ka-samasa oleh Lembaga bagi maksud menjelaskan apa² tanggongannya atau menjalankan apa² kewajipan-nya;
- (iii) segala wang yang di-dapati daripada menjalankan apa² projek, ranchangan atau enterpris yang di-biayai dari Kumpulanwang;
- (iv) segala wang yang di-dapati atau terbit daripada mana² harta, pelaboran, gadaijanji, gadaian atau dibenchar yang di-perolehi oleh atau terletak pada Lembaga; dan
- (v) bayaran, chaj atau lain² wang atau harta yang mungkin dengan apa² chara kena di-bayar kapada, atau terletak pada, Lembaga berkenaan dengan apa² perkara yang bersampingan dengan kuasa² dan kewajipan²-nya;

(b) yang dari-nya akan di-bayar—

- (i) segala perbelanjaan (termasok perbelanjaan modal) yang di-lakukan oleh Lembaga pada menjalankan tugas²-nya; dan

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA

11

(ii) wang bagi membayar balek apa² pinjaman yang telah di-beri kepada Lembaga menurut kuasa-nya untok meminjam.

12A. . . .

← AA647

13. Lembaga boleh, mengikut syarat² yang di-luluskan oleh Menteri Kewangan, meminjam wang sa-banyak yang diperlukan-nya bagi menjalankan mana² daripada tugas-nya di-bawah Akta ini. Kuasa meminjam.

14. Aset² Lembaga, sa-takat mana yang tidak di-kehendaki untok di-belanjakan oleh Lembaga di-bawah Akta ini, hendak-lah di-laborkan mengikut chara yang di-luluskan oleh Menteri Kewangan. Pelaboran.

15. (1) Perbelanjaan Lembaga hingga sa-banyak yang di-benarkan oleh Menteri bagi mana² satu tahun hendak-lah di-bayar dari Kumpulanwang. Kewangan.

(2) Sa-belum permulaan bulan September tiap² satu tahun, Lembaga hendak-lah menghantar kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasok perbelanjaan bagi projek² pembangunan) bagi tahun yang berikut-nya mengikut apa² bentok dan mengandongi apa² butir sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Menteri; dan Menteri hendak-lah sa-belum permulaan bulan November tahun itu memberitahu Lembaga jumlah wang yang di-beharkan bagi tiap² satu jenis perbelanjaan. Sub. AA647

(3) Lembaga boleh pada bila² masa menghantar kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana² satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana² bahagian perbelanjaan tambahan yang di-masokkan dalam anggaran tambahan itu.

16. (1) Lembaga hendak-lah menyimpan dengan sa-patut-nya akaun dan rekod lain berkenaan dengan perjalanannya dan hendak-lah menyediakan penyata akaun bagi tiap² satu tahun kewangan. Akaun dan odit.

(2) Akaun² Lembaga hendak-lah di-odit tiap² tahun oleh Juru Odit Negara atau juru odit lain yang di-lantek oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(3) Sa-lepas berakhir tiap² satu tahun kewangan, dan sa-lepas sahaja akaun² Lembaga di-odit, Lembaga hendak-lah mengarahkan supaya satu salinan penyata akaun² itu mengikut chara sa-bagaimana di-kehendaki oleh Menteri di-hantar kepada Menteri, bersama dengan satu salinan apa² pandangan yang di-buat oleh Juru Odit Negara atau

juru odit lain yang di-lantek di-bawah sekshen-kechil (2) mengenai mana² penyata atau mengenai akaun² Lembaga.

(4) Menteri hendak-lah mengarahkan supaya satu salinan tiap² penyata dan pandangan itu di-bentangkan dalam tiap² satu Majlis Parlimen.

Act A 348
Laporan Tahunan.

170) Lembaga hendak-lah tidak lewat daripada 30 haribulan Jun tiap² satu tahun mengarahkan supaya di-buat dan di-hantar kepada Menteri suatu laporan berkenaan dengan kegiatan² Lembaga dalam masa tahun yang lalu dan mengandongi maklumat berhubong dengan perjalanan dan dasar Lembaga.

Act A 348
AA-763 →

(2) - - -
17A----

BAHAGIAN IV

KUASA² BERHUBONG DENGAN PENGUATKUASAAN

Memberi kuasa kepada pegawai untuk menjalankan kuasa² di-bawah Bahagian ini.

18. (1) Menteri boleh memberi kuasa dengan bertulis kepada mana² pegawai awam atau pegawai Lembaga untuk menjalankan kuasa² di-bawah Bahagian ini.

(2) Pada menjalankan mana² daripada kuasa di-bawah Bahagian ini pegawai itu hendak-lah, apabila di-minta, mengemukakan kepada orang yang tindakan di-ambil terhadap-nya di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya surat kuasa yang di-keluarkan kepada-nya oleh Menteri.

18A--- Act A 221.

Kuasa memasoki premis.

19. Jika mana² pegawai berkuasa atau pegawai polis ada alasan² yang menasabah bagi memperchaya² bahawa sa-suatu kesalahan telah di-lakukan di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya maka pegawai itu boleh memasoki mana² premis yang di-punya² atau di-dudoki oleh mana² orang dan juga boleh menjalankan apa² pemereksaan (termasok pemereksaan buku²) yang di-fikirkan-nya perlu dan boleh merampas dan menyimpan apa² buku, suratan atau benda lain yang terjumpa dalam premis itu yang boleh memberi bukti tentang sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau di-bawah peratoran² yang di-buat di-bawah-nya.

Kuasa menangkap, merampas, menyiasat dan mendakwa.

20. (1) Mana² pegawai berkuasa atau pegawai polis boleh—

(a) menangkap tanpa waran mana² orang yang ia ada sebab bagi memperchaya² telah melakukan suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya, jika orang itu enggan memberi nama dan alamat-nya atau

memberi sa-suatu alamat di-luar Malaysia atau jika ada alasan² yang menasabah bagi memperchayai bahawa orang itu telah memberi nama palsu atau alamat palsu atau bahawa ia mungkin akan melarikan diri:

Dengan syarat bahawa apabila sa-saorang itu telah di-tangkap sa-bagaimana tersebut di-atas tindakan² hendak-lah kemudian-nya di-ambil terhadap-nya mengikut sa-bagaimana yang di-peruntukkan oleh undang² berhubung dengan achara jenayah yang berkuatkuasa pada masa itu; dan

(b) merampas apa² jua benda yang di-fikirkan-nya perlu di-rampas berhubung dengan keterangan yang perlu bagi membuktikan apa² kesalahan yang dilakukan itu.

(2) Berhubung dengan apa² jua penyiasatan mengenai sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya mana² pegawai berkuasa atau mana² pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspekter boleh, tanpa perintah dari Pendakwa Raya, menjalankan kuasa² khas berhubung dengan penyiasatan polis yang di-beri oleh undang² berhubung dengan achara jenayah mengenai sa-suatu kesalahan yang boleh di-tangkap.

(3) Apa² pendakwaan berkenaan dengan sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya boleh di-jalankan oleh sa-saorang pegawai berkuasa.

21. (1) Jika sa-saorang pegawai berkuasa atau pegawai polis menaruh shak yang menasabah bahawa sa-suatu kenderaan ada membawa padi atau beras bersalahan dengan mana² peruntukan Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya maka ada-lah sah bagi pegawai itu menahan dan memeriksa kenderaan itu bagi maksud memastikan sama ada padi atau beras ada terdapat terkandung dalam-nya atau sedang di-pindah atau di-angkut bersalahan dengan peruntukan Akta atau peratoran itu dan orang yang mengawal atau menjaga kenderaan itu hendak-lah, jika dikehendaki oleh pegawai itu, memberhentikan kenderaan itu dan membenarkan pegawai itu memeriksa-nya.

Kuasa
untuk
menahan
dan
memeriksa.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga mana² kenderaan yang di-periksa di-bawah peruntukan sekshen ini hendak-lah, apabila di-minta oleh pegawai berkuasa atau pegawai polis itu, membuka semua bahagian kenderaan itu untuk

ng dibuat di
perselisihan
beras yang di
penyata yang di
apa maklumat
maka orang
membuat
ah bersalah
A. 22.
A. 22.

di-pereksa oleh pegawai itu dan menjalankan segala langkah yang perlu untuk membolehkan pegawai itu melakukan apa² pemeriksaan yang di-fikirkan-nya perlu.

Kuasa
mengambil
milek.

Sub. AAC47

22. (1) Jika mana² pegawai berkuasa atau pegawai polis ada sebab bagi memperchayai bahawa sa-saorang ada-lah melakukan sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini maka ia boleh dengan apa² chara yang di-fikirkan-nya patut mengambil milek mana² padi atau beras yang mengenai-nya ia ada sebab memperchayai kesalahan itu telah dilakukan atau mengambil milek mana² kereta, vesal atau lain² barang yang telah di-gunakan bagi melakukan kesalahan itu atau yang ia ada sebab memperchayai di-chadang untuk di-gunakan bagi melakukan kesalahan itu.

(2) Jika padi, beras, kereta, vesal atau lain² barang telah di-ambil milek di-bawah peruntukan sekshen ini maka Ketua Pengarah—

(a) jika ia ada sebab bagi memperchayai bahawa sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya telah di-lakukan dan pembicharaan jenayah telah di-mulakan terhadap mana² orang berkenaan dengan kesalahan itu, boleh menahan padi atau beras itu sa-hingga pembicharaan jenayah itu selesai; dan jika ia berpuashati bahawa padi atau beras itu oleh sebab keadaan-nya akan menjadi rosak, ia boleh memerentahkan supaya padi atau beras itu di-jual mengikut apa² chara yang di-nyatakan oleh-nya dan hasil jualan itu hendak-lah di-simpan sa-hingga pembicharaan jenayah itu selesai dan hendak-lah di-lepaskan mengikut apa² chara yang di-perentahkan oleh Mahkamah melainkan jika Mahkamah memerentahkan di-bawah sekshen 29 supaya hasil jualan itu di-rampas;

(b) dalam apa² hal lain, boleh memulangkan balek padi atau beras itu kepada pemunya-nya, atau jika harga maksima telah di-tetapkan oleh undang² bertulis bagi padi atau beras itu, ia boleh membayar kepada pemunya padi atau beras itu harga yang di-tetapkan sa-demikian dengan di-tolak sa-jumlah wang yang tidak lebeh daripada dua puluh lima peratus daripada-nya kerana belanja yang di-peraku¹ oleh Ketua Pengarah sa-bagai telah di-lakukan oleh Ketua Pengarah bagi mengambil

milek, menyimpan dan memulangkan balek padi atau beras itu kepada pemunya-nya.

(3) (a) Ketua Pengarah boleh mewakilkan dengan bertulis kuasa-nya di-bawah sekshen-kechil (2) kepada mana² pegawai berkuasa dan juga boleh pada bila² masa membatalkan mana² perwakilan itu.

(b) Walau pun telah di-wakilkan kuasa-nya itu, Ketua Pengarah boleh, jika di-fikirkan-nya patut, menjalankan kuasa yang di-wakilkan itu.

22A dan 22B. . . .

← AA647

BAHAGIAN V

KESALAHAN, PENALTI DAN PEMBICHAARAN

23. Sa-siapa yang menyembunyi atau memusnahkan padi atau beras bagi maksud hendak menahan padi atau beras itu daripada di-jual di-pasar ada-lah melakukan suatu kesalahan di-bawah Akta ini.

Di-larang menyembunyi atau memusnahkan padi atau beras.

23A --- Akta A 221.

24. Sa-siapa yang menjual padi atau beras dengan mengenakan, kechuali dengan kebenaran Ketua Pengarah, apa² syarat penjualan lain daripada syarat penjualan—

Sharat yang menyalahi undang².

(a) menghendaki pembayaran yang segera bagi padi atau beras itu; atau

(b) menetapkan masa bila pembayaran itu mesti di-buat atau bila padi atau beras itu akan di-ambil; atau

(c) menghendaki sa-suatu deposit bagi penjualan padi atau beras itu;

ada-lah melakukan suatu kesalahan di-bawah Akta ini.

25. Sa-siapa yang ada dalam milek atau kawalan-nya apa² padi atau beras dengan sa-suatu chara yang menimbulkan shak yang menasabah bahawa sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya telah di-lakukan atau di-chadang hendak di-lakukan oleh-nya berhubung dengan padi atau beras itu ada-lah melakukan suatu kesalahan di-bawah Akta ini melainkan jika ia membuktikan dan Mahkamah berpuashati bahawa kesalahan itu telah tidak di-lakukan dan telah tidak di-chadang hendak di-lakukan oleh-nya.

Memiliki padi atau beras dengan menyalahi undang².

Kesalahan
menghalang.

26. Sa-siapa yang menghalang atau menghindar Ketua Pengarah, mana² pegawai berkuasa atau pegawai polis yang menjalankan dengan sah mana² daripada kuasa-nya di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya ada-lah melakukan suatu kesalahan di-bawah Akta ini.

Penalti am.

27. (1) Sa-siapa jua, lain daripada sa-suatu pertubohan perbadanan, tetapi termasuk sa-saorang pengarah atau pegawai sa-suatu pertubohan perbadanan, yang melakukan sa-suatu kesalahan di-bawah, atau yang tidak mematohi, mana² daripada peruntokan Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya yang penalti bagi-nya tidak ada di-peruntokkan dengan nyata-nya boleh, apabila di-thabitkan, di-kenakan penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada dua tahun atau denda tidak lebeh daripada lima belas ribu ringgit atau denda dan penjara itu kedua²-nya dan bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudian, penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada lima tahun ^{atau denda} dan denda tidak lebeh daripada dua puluh lima ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua²-nya.

Act A34²

(2) Mana² pertubohan perbadanan yang melakukan sa-suatu kesalahan di-bawah, atau yang tidak mematohi, mana² daripada peruntokan Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya boleh di-kenakan denda tidak lebeh daripada dua puluh lima ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak lebeh daripada lima puluh ribu ringgit.

(3) Jika sa-saorang yang di-pertudohkan atas sa-suatu kesalahan di-bawah mana² daripada peruntokan Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya ada-lah suatu pertubohan perbadanan maka tiap² orang yang pada masa kesalahan itu di-lakukan ada-lah pengarah atau pegawai bagi pertubohan perbadanan itu boleh di-pertudohkan dalam pembicharaan yang itu juga bersesama dengan pertubohan perbadanan itu, dan jika pertubohan perbadanan itu di-thabitkan atas kesalahan yang di-pertudohkan itu, tiap² pengarah atau pegawai itu hendaklah di-sifatkan sa-bagai telah bersalah atas kesalahan itu melainkan jika ia membuktikan bahawa kesalahan itu telah di-lakukan dengan tidak sa-tahu-nya atau bahawa ia telah menjalankan segala langkah pengawasan yang menasabah untok mengelakkan kesalahan itu daripada di-lakukan.

(4) Sa-saorang yang boleh di-kenakan apa² penalti di-bawah mana² daripada peruntukan Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya kerana apa² perkara yang di-lakukan atau tidak di-lakukan jika perkara itu telah di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh-nya sendiri, boleh di-kenakan penalti yang itu juga jika perkara itu telah di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh kongsi, ejen atau penjawat-nya, melainkan jika ia membuktikan bahawa ia telah menjalankan segala langkah pengawasan yang menasabah untuk mengelakkan perkara itu daripada di-lakukan atau tidak di-lakukan.

28. (1) Dalam apa² pendakwaan berkenaan dengan sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya atas pertudohan melakukan suatu perbuatan yang tidak sah, melainkan jika orang yang melakukan perbuatan itu berhak berbuat demikian oleh sebab ia ada-lah pemegang sa-suatu lesen, permit atau kebenaran, keizinan, kuasa atau pengechualian bertulis yang menghakkan-nya melakukan perbuatan itu, maka memadai-lah bagi pihak pendakwa mengata dan membuktikan bahawa orang itu melakukan perbuatan itu dan bebanan hendak-lah kemudian-nya terletak pada orang yang di-tudoh itu bagi membuktikan yang ia berhak melakukan perbuatan itu.

Beban membuktikan.

(2) Jika, dalam apa² pendakwaan berkenaan dengan sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya, orang yang menjalankan pendakwaan mengemukakan suatu invoice asal atau suatu invoice pendua yang di-buktikan sa-bagai telah didapati dalam milek penjual maka, jika di-minta oleh orang yang menjalankan pendakwaan itu, invoice asal atau invoice pendua itu hendak-lah di-terima sa-bagai keterangan *prima facie* mengenai sa-suatu penjualan oleh penjual dan mengenai segala kenyataan yang tersebut dalam invoice asal atau invoice pendua itu dan walau apa pun peruntukan mana² undang² yang berlawanan yang berkuatkuasa pada masa itu, beban bagi membuktikan bahawa penjualan itu telah tidak berlaku atau bahawa apa² kenyataan yang disebutkan dalam invoice asal atau invoice pendua itu bukan-lah apa yang sa-bagai di-nyatakan-nya itu, ada-lah terletak pada orang yang di-tudoh.

Kuasa
Mahkamah
untuk
merampas.

Sub. AA647

29. (1) Jika sa-saorang di-tahapitkan atas sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya Mahkamah boleh memerentahkan supaya di-rampas kesemua atau sa-bahagian daripada—

(a) padi atau beras yang berkenaan dengan-nya kesalahan itu telah di-lakukan dan yang telah di-ambil oleh atau dengan jalan lain telah ada dalam milek Ketua Pengarah atau mana² pegawai² berkuasa atau pegawai polis atau mana² kereta, vesal atau lain² barang ia-itu harta kepunyaan yang di-tudoh yang telah di-gunakan dalam melakukan kesalahan itu atau yang di-maksud hendak di-gunakan bagi melakukan sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya; atau

(b) hasil jualan mana² padi atau beras jika telah di-jual di-bawah sekshen 22.

(2) Jika perampasan di-perentah di-bawah sekshen-kechil (1), Mahkamah hendak-lah menyerahkan padi atau beras itu atau hasil jualan-nya itu (jika belum lagi ada dalam milek Ketua Pengarah) kepada Ketua Pengarah atau kepada mana² orang yang di-tetapkan oleh Ketua Pengarah dan hendak-lah memberi arahan mengenai chara bagaimana ia-nya hendak di-lepaskan.

AA647 →

Bidang-
kuasa.
P.T.M.
43/48.
Sabah
Bab 29.
Sarawak
Bab 42.

30. Walau apa pun peruntokan Ordinan Mahkamah, 1948, Ordinan Mahkamah Rendah Negeri Sabah atau Ordinan Mahkamah Rendah Negeri Sarawak, sa-suatu Mahkamah Seshen di-Negeri² Tanah Melayu atau sa-suatu Mahkamah Mejisteret Kelas Pertama di-Negeri Sabah atau Sarawak ada-lah mempunyai bidangkuasa untuk membicharakan sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya, dan untok mengaward hukuman yang sa-penoh-nya bagi mana² kesalahan itu.

Perke-
chualian.

31. Tiada apa² pembicharaan boleh di-mulakan di-bawah Akta ini terhadap mana² orang yang di-berikuasa oleh Ketua Pengarah dengan sempurna-nya bagi maksud itu, yang telah dengan di-ketahu²-nya melakukan atau tidak melakukan apa² perbuatan yang tetap akan menjadi suatu kesalahan jika tidak kerana peruntokan² sekshen ini, dengan sharat bahawa ia telah melakukan atau tidak melakukan perbuatan itu dengan tujuan hendak mendapatkan bukti

nadap
diri se
di-lant
buatar

bagi maksud mendakwa penjual kerana sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang dibuat di-bawah-nya.

BAHAGIAN VI

AM

32. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat ~~peratoran² am bagi melaksanakan peruntukan Akta ini, dan peratoran² itu boleh—~~ Peratoran².

(a) menetapkan tanda atau lebel yang akan di-chap atau di-lekatkan oleh pedagang² runchit pada bekas² padi atau bekas² beras menunjukkan kualiti, peringkat atau harga padi atau beras itu;

(b) menetapkan apa² bayaran atau chaj yang perlu bagi maksud Akta ini; dan

(c) menetapkan apa² perbuatan atau ketinggalan yang bersalahan dengan peruntukan mana² peratoran itu sa-bagai suatu kesalahan; ~~atau~~

32A... (e) --- (e), (f) ---

33. (1) Kechuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud sa-suatu pembicharaan jenayah di-bawah Akta ini, tiada sa-saorang ahli, pegawai atau penjawat Lembaga boleh membukakan apa² maklumat berkenaan dengan mana² satu urusan yang telah di-dapati oleh-nya sa-masa menjalankan kewajipan²-nya dan yang tidak di-siarkan menurut Akta ini.

(2) Sa-saorang yang dengan di-ketahui-nya melanggar peruntukan sekshen-kechil (1) ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada satu tahun.

34. Ketua Pengarah dan mana² pegawai atau penjawat Lembaga yang di-lantek di-bawah sekshen 10 dan mana² pegawai berkuasa hendak-lah di-sifatkan sa-bagai penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan yang berkuatkuasa di-Negeri² Tanah Melayu atau dalam erti mana² undang² bertulis yang bersamaan dengan-nya yang berkuatkuasa dalam Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

35. (1) Tiada apa² tindakan, guaman, pendakwaan atau pembicharaan lain boleh di-bawa atau di-mulakan terhadap diri sendiri sa-saorang ahli Lembaga atau terhadap diri sendiri Ketua Pengarah, pegawai atau penjawat yang di-lantek oleh Lembaga berkenaan dengan sa-suatu perbuatan yang di-lakukan atau sa-suatu pernyataan yang

D/AA 647

← AA 647

← AA 647

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

← AA 763

Kanun Keseksaan

N.M.B.
Bab 45.
Sabah 3/59.
Sarawak
Bab 57.

Per-
lindungan
daripada
pem-
bicharaan
undang².

di-buat *bona fide* menurut Akta ini atau pada melaksanakan atau bagi maksud melaksanakan Akta ini.

(2) Jika sa-saorang di-kechualikan daripada pendakwaan sa-mata² oleh sebab peruntokan sekshen ini, maka Lembaga boleh di-dakwa sa-takat mana ia boleh di-dakwa jika sa-kira-nya orang itu ada-lah sa-orang penjawat atau ejen Lembaga.

Sa-tengah²
undang²
tidak boleh
di-pakai
bagi padi
dan beras.
14/61.

36. (1) Apabila Akta ini mula berkuatkuasa—

(a) Akta Kawalan Bekalan, 1961 tidak boleh di-pakai bagi padi dan beras dan Akta itu hendak-lah berkuatkuasa sa-olah² perkataan "controlled article" sa-bagaimana di-taarif dalam Akta itu tidak termasuk padi dan beras; dan

26/46.

(b) Ordinan Kawalan Harga, 1946 tidak boleh di-pakai bagi padi dan beras dan Ordinan itu hendak-lah berkuatkuasa sa-olah² perkataan "goods" sa-bagaimana di-taarif dalam Ordinan itu tidak termasuk padi dan beras.

(2) Tiada apa² jua dalam sekshen-kechil (1) boleh menyentoh sah-nya sa-suatu lesen, permit atau kuasa yang di-beri atau di-keluarkan di-bawah Akta atau Ordinan yang tersebut dalam sekshen-kechil itu dan lesen, permit atau kuasa itu hendak-lah terus berkuatkuasa sa-hingga di-ganti, di-batalkan atau pun di-tamatkan di-bawah Akta ini.

Pindaan
bagi
Akta 49/65
dan per-
untokan²
peralehan.

37. (1) Sekshen 24 (1) Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965 ada-lah dengan ini di-pinda dengan menggantikan perkataan "pineapple and rubber" yang terdapat dalam taarif "agricultural produce" dengan perkataan "pineapple, rubber, padi and rice".

49/65.

(2) Walau apa pun peruntokan sekshen-kechil (1), ranchangan² pemasaran yang di-tetapkan di-bawah sekshen 5 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965 hendak-lah terus berkuatkuasa sa-hingga di-ganti, di-batalkan atau pun di-tamatkan di-bawah Akta ini; dan dalam masa ranchangan² pemasaran itu berkuatkuasa, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yang di-tubuhkan di-bawah Akta itu hendak-lah, walau apa pun yang terkandung dalam Akta itu dan dalam ranchangan pemasaran itu, menjalankan bagi pehak Lembaga segala kuasa jemaah pemasaran (kemudian daripada ini dalam sekshen ini di-sebut "jemaah") yang di-tubuhkan di-bawah Akta itu bagi maksud ranchangan² pemasaran itu.

(3) Tertaklok kepada peruntukan Akta ini, segala harta aleh dan harta takaleh dan aset yang terletak pada jemaah atau pada mana² orang bagi pehak jemaah sa-belum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa hendak-lah terletak pada Lembaga pada hari Akta ini mula berkuatkuasa.

(4) Tertaklok kepada peruntukan Akta ini, segala surat-ikatan, bon, perjanjian, suratchara dan atoran kerja yang wujud sa-belum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa dan yang melibatkan mana² daripada harta yang di-pindahmylek di-bawah sekshen-kechil (3) hendak-lah berkuatkuasa dan di-pakai sa-penoh-nya terhadap atau untok Lembaga dan boleh di-kuatkuasakan dengan sa-penoh dan sa-sunggoh-nya sa-olah² Lembaga, dan bukan jemaah atau mana² orang yang bertindak bagi pehak jemaah, telah di-sebutkan dalam-nya atau telah menjadi suatu pehak dalam-nya.

37A. ---
38. Segala perkara yang di-lakukan oleh mana² orang atau pehak-berkuasa bagi pehak Lembaga pada atau bagi menyediakan pelaksanaan yang sa-patut-nya akan mana² daripada peruntukan Akta ini dan apa² perbelanjaan yang di-lakukan berhubung dengan-nya dengan menjangka bahawa Akta ini akan di-ishtiharkan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai di-berikuasa oleh Akta ini; dan segala hak dan tanggungan yang di-perolehi atau di-kenakan bagi pehak Lembaga dari apa² perkara atau apa² perbelanjaan yang di-lakukan sa-demikian hendak-lah di-sifatkan sa-bagai hak dan tanggungan Lembaga apabila Akta ini mula berkuatkuasa.

← AAG47
Perkara² yang di-lakukan dengan menjangka Akta ini akan di-ishtiharkan.

mem-an.

JADUAL

(Sekshen 5)

BAHAGIAN I

1. Sa-saorang ahli Lembaga hendak-lah memegang jawatan sa-lama tempoh yang di-nyatakan dalam surat perlantekan-nya dan ada-lah layak di-lantek sa-mula.
2. Jawatan sa-saorang ahli Lembaga hendak-lah ^{disifatkan telah} di-kosongkan—
 - (a) jika ia mati;
 - (b) jika ia menjadi bankrap, gila atau tidak sempurna akal;
 - (c) jika ia tidak menghadhiri meshuarat tiga kali berturut² tanpa kebenaran Lembaga;
 - (d) jika sa-kira-nya perletakan jawatan-nya di-terima oleh Menteri; atau
 - (e) perlantekan-nya di-batalkan.
3. Maka hendak-lah di-bayar kepada ahli² Lembaga atau kepada mana² daripada ahli Lembaga mengikut sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Menteri sa-lepas berunding dengan Menteri Kewangan, apa² gaji, saraan atau elaun mengikut sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Lembaga.

← AAG17
← AAG47
← AAG47
LANGGUA, KESALAHAN DAN PENZAMARAN KEPENTINGAN
ACT A 348 UAL4D

A AAT63

ACT A348

ah

[Jadual]

22

AKTA 47

4. Lembaga hendaklah bermeshuarat sa-kurang²-nya sa-kali dalam tiga bulan dan boleh bermeshuarat pada bila² masa apabila di-panggil oleh Pengerusi.

5. (1) Koram bagi Lembaga ia-lah lima.

(2) Dalam semua meshuarat Lembaga, Pengerusi atau jika ia tidak hadir, Timbalan Pengerusi atau jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir, sa-orang ahli sa-bagaimana di-pilih oleh ahli² yang hadir, hendaklah mempengerusikan meshuarat itu.

(3) Jika atas apa² soal yang hendak di-putuskan oleh Lembaga bilangan undi sama banyak-nya, Pengerusi atau Timbalan Pengerusi atau ahli yang mempengerusikan meshuarat itu ada-lah berhak memberi undi pemutus.

(4) Tertaklok kapada perenggan-kechil (1), (2) dan (3), Lembaga hendaklah menetapkan achara-nya sendiri.

6. Lembaga boleh meminta sa-siapa jua (yang bukan ahli Lembaga) menghadhiri mana² meshuarat atau perbincangan Lembaga bagi maksud menasihatkan-nya atas apa² perkara yang di-binchangkan, tetapi sa-siapa yang hadir sa-demikian tidak berhak mengundi dalam meshuarat atau perbincangan tersebut itu.

7. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan, membuat kaedah² berkenaan dengan penubohan dan pengelolaan suatu kumpulan-wang simpanan bercharum bagi pegawai² dan penjawat² yang di-lantek oleh Lembaga atau berkenaan dengan pembayaran penchen, elaun atau ganjaran kapada pegawai² dan penjawat² tersebut apabila mereka bersara atau berhenti memegang jawatan sa-bagai pegawai dan penjawat Lembaga.

AAGH7 → 8. dan 9. ---

AAGH7 →

BAHAGIAN II